

# Jangan sekat profesional muda masuk UMNO

SEREMBAN 28 Jan. -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Datuk Ir. Jamlus Aziz meminta kerjasama kepimpinan parti pada semua peringkat terutamanya cawangan agar tidak menyekat golongan profesional muda yang berminat menyertai UMNO.

Gesaan itu dibuat Jamlus kerana berlaku kes borang permohonan golongan muda profesional tidak diproses oleh cawangan kerana pemimpinnya beranggapan ahli baru itu akan menggugat mereka pada masa depan.

Katanya, pemimpin yang berpendirian sedemikian perlu sedar kesan perbuatan itu kepada parti sambil menyeru agar me-

reka lebih terbuka dan ikhlas berpolitik.

"Saya ada menerima laporan perkara sedemikian berlaku sewaktu UMNO menyalu-alukan ahli-ahli muda yang sarat dengan idea bernas yang memberi manfaat kepada parti dan masyarakat.

"Perlembagaan parti mensyaratkan ahli baru perlu mendapatkan pengesahan cawangan dan sekiranya perkara tersebut masih berlaku, saya minta golongan yang dinafikan hak mereka itu memaklumkan secara terus kepada saya," katanya sewaktu dihubungi, di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Jamlus memberitahu pihaknya akan berusaha

Um-29/1/2007  
meningkatkan keahlian sayap Pemuda sekurang-kurangnya 10 peratus pada tahun ini selain memastikan ahli sedia ada mendaftar sebagai pemilih.

Katanya, berdasarkan rekod terkini, jumlah keahlian Pemuda Negeri Sembilan adalah 26,776 ahli namun jumlah yang berdaftar sebagai pemilih pula hanya 16,882 orang.

"Jumlah keahlian itu masih rendah dan boleh ditingkatkan dengan kerjasama semua pihak, sebagai perbandingan Melaka yang merupakan sebuah negeri yang lebih kecil daripada Negeri Sembilan juga mempunyai keahlian Pemuda yang hampir sama.

"Sesuatunya juga perlu dilakukan untuk meningkatkan daftar pemilih, memang sebahagiannya masih belum cukup umur sebagai pengundi namun ramai lagi yang tidak tersenarai sebagai pemilih," katanya.

Sehubungan itu, Jamlus meminta pemimpin di peringkat akar umbi agar memastikan ahli-ahli parti yang layak mengundi mendaftarkan diri sebagai pemilih sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum.

"Ahli-ahli parti juga perlu proaktif dengan memeriksa status mereka kerana kita tidak mahu kealpaan itu mengakibatkan kerugian kepada parti dan mereka sendiri," katanya.